

Chorpen :

KEHANCURAN

oleh: A. DANHOERT.

T E K A D K U hanya satu bangun atau hancurl! Pilihan lain tak ada lagi. Jadi O.K.B. atau jadi O.M.B. Istilah belakangan ini ialah istilah chiptaanaku sendiri. Asal saja jangan jadi O.G.B. pun ini adalah istilah buatanku sendiri pula. Apa maksudnya kiranya anda akan bersabar sejenak sementara menaruhkan membaca kecahaku yang dahsyat ini.

Kushabut lembaran uang terakhir dari kantongku. Semua-muanya terakhir. Inilah sisa dari semuanya. Dua puluh tiga hari yang lampau aku masih merupakan seorang pedagang yang baik dan cukup mendapat rezeki untuk biaya rumah tangga. Walaupun usahaku hanya merupakan Seve Beroda. Tetapi inilah hasil jerih payahku selama bertahun-tahun. Mulai dari "kosong" sampai menahapai kemunahak yang lobah tinggi. Sampai aku mengawini Desmaniar janda muda yang ayu itu. Tapi jandanya bukanya lah sebarang janda. Janda yang manis dan mengglurkan. Bahkan menggilakan aku sejak empu kaki sampai kebum-ubunku.

Dan kini begitulah keadaannya. Sebuah Panitia mengadakan pasar malam. Hiboran hampir tak ada, yang banyak ialah judi bertachan bentok dan jenisnya. Tempat berjudi itu dibatasi khas dan anak-anak serta wanita tidak dibolehkan masuk. Tetapi peraturan tetap peraturan, kulihat ada juga anak-anak masuk apalagi perempuan. Penjaga yang berkulis malang melintang diam saja, tak peduli saja. Baginya yang terloboh penting jika ada seseorang pergi kekasir akan nomkar chaknya,- artinya ia akan menerima uang,- maka sang penjaga mestilah mendapat bagiannya.

Itulah permulaannya dan itulah akhirnya. Entah bagaimana aku menobandu main judi mulanya berkochil-kochil makin lama makin besar taruhanku. Dan kini semuanya hancur berantakan. Sebe Berodaku hancur, tinggal kerangkanya saja, rumah tanggaku hancur, hatiku hancur, tetapi semuanya buat apa lagi. Kerana sudah menjadi penyesalan. Segalanya sudah musnah ditelan oleh bandar2 judi China Medan ini. Penyesalan memang tak ada gunanya lagi, kerana sudah terlambat. Sebagai kukatakan diatas tadi asal saja aku jangan jadi O.G.B. saja sudahlah. Artinya iyalah Orang Gila Baru.

Ada seorang pendatang baru yang tiba dari Pekan Baru. Iya nahu pulang kekampungnya semula ia bekerja pada Perusahaan Caltex di Sungai Rumbai Pekan Baru. Ia dapat wang tolak satu setengah juta rupiah. Satu jumlah jika ia pandai memperkembangkannya tentulah akan senang hidupnya dan mak bininya. Tetapi entah bagaimana, entah kerana berlawan-lawan ia muncul dalam ruangan yang istimewa itu dan menohoba-ohoba adu untung dimeja judi. Hanya iseng-iseng,-,denikian selalu pada permulaannya,- tetapi akhirnya dengan tak disedarinya segala wangnya lichin tandas satu ampun tak ada sisanya lagi. Dan kerana sangat haibat pengaruh kekahakan itu maka sang pendatang baru yang cial itu menjadilah O.G.B. Ia mendar mandir dijalan raya dan mengachung-achungkan tangannya sebagai sedang melampar bulu ayam kerana bulu ayam itulah pangkal hala kesialannya.

Denikianlah aku sekarang berdiri dimuka meja judi dengan hanya beberapa wang kertas seratus rupiah sisa wangku terakhir. Sesudah ini aku tak melihat peluang lagi untuk mendapatkan wang walaupun hanya sekedar untuk minum kopi O dikedai.

Akan kuliohinkan wangku yang terakhir ini kerana aku yakin bahawa beberapa minit lagi lembaran ini akan berpindah kemeja judi dan aku boleh bertolak punggung menjauh dari meja judi itu. Bukannya kerana kapok tetapi kerana tak ada uang lagi untuk diserahkan kepada bandar judi itu.

Kusodorkan lembaran wang terakhir itu kepada bandar yang menukarnya dengan beberapa keping cek judi. Dimukanya terletak petak2 berwarna merah, biru, kuning, dengan bola yang nanti akan menggelinding menempati salah satu warna2 yang ada itu. Aku tenang saja sebab tekadku bulat sudah kalah atau menang, -- pulang atau lari habis. Rasanya aku tak berani lagi untuk menemu Des akan menerima chachi maki dan hamannya, tetapi aku mesti menyediakan diriku untuk menerima semuanya bahkan aku harus sedia juga untuk : bercherai! Apakah bernama talak satu, atautah talak tiga atautah talak serumpun betung.

Hanya sebelah saja kakiku kuarjukkan kemuka sebab yang sebelah lagi bersiap untuk menganjur surut dan... pulang. Bola dilemparkan oleh seseorang pemasang. Hijau,.... merah,.... biru,.... merah, lagi, dan akhirnya berhenti di: hijau. Aku tak jadi pergi kerana aku memasang hijau. Kuletakkan semua wangku dipapan tarohan hijau juga. Bola dilemparkan lagi,..... pusing,..pusing dan heop, berhenti di-hijau juga. Dan entah bisikan apa yang kudengar sekali ini semua pasanganku kuletakkan di-merah. Bola meluncur lagi, hijau,....kuning,....merah,....kuning,.... oh, meraaaah! Pasanganku menang lagi, wah chialat ini! Kakiku yang sebelah kutarik lagi tegakku kupertepat. Malahan aku kini jadi paporitnya. Cek sudah bertumpuk ditanganku, entah bagaimana dingin sangat tanganku semalam itu. Asal aku pasang besar pasti menang dan jika aku pasang kecil ada harapan kalah. Muka bandar sudah sebagai muka peta bulan yang dibuat Armstrong berkerut merut. Buruk aja ia melihat padaku. Aku tambah yakin, rasanya seluruh harta kekayaan bandar ini bisa kuambil alih kini. Agaknya bendai inipun berniat supaya aku pergi saja tetapi aku memasang terus dan menang terus-terusan.

Beberapa cek yang kecil2 kutukar dengan yang besar dan yang besar itulah yang sering menang. Beberapa cek besar dengan pakai tiga angka kumasukkan kedalam kantongku. Aku berpikir yang kecil2 ini biarlah habis, tetapi tak mahu habis malahan kian bertambah, dan yang besar masuk juga dikantongku. Hai, mimpi apa aku semalam? Kenapa tanganku begitu dingin sekarang? Oh, Dewi Fortuna rupanya sedang berada disampingku. Tetapi manakah Dewi ini? Khayalanku meleyang kerumah. Apa kata Desmaniar nanti jika kulemparkan kemukanya seikat wang kertas tukaran seribu rupiah? Ia tentu mengusulkan supaya aku berhenti berjudi. Dan aku akan berhenti berjudi. Kembali hidup sebagaimana biasa. Penonton2 semakin ramai sekitarku ashek melihat pertandingan antara aku dengan bandar. Wajah bandar sudah puteh sebagai kain seperai dichachi.

Kulihat jam tanganku sudah jam setengah sebelas. Aku bertekad jam sebelas tepat aku berhenti berjudi. Menjelang itu baik juga kupasang yang kecil2 saja supaya bandar itu jangan kechewa. Tetapi komenanganaku maseh saja membuntutiku. Aku menang terus menerus, kantong soluaraku sudah penuh dengan cek tukaran seribu rupiah. Entah sudah berapa banyak aku sendiri tak tahu tetapi agaknya sudah mencapai jumlah puluh ribu rupiah. N aman aku belum juga hendak berhenti. Demikianlah sifat orang pejudi. Agaknya aku ingin supaya segala bandar judi itu kukaht segala uangnya atau segala isi kantongku pindah kembali kepadanya.

Tetapi kini aku menohoba memecahkan perrealannya apakah sebabnya tanganku amat dingin semalam ini? Aku mendongakkan kepala dan melihat kesekelilingku. Entaku bersabung dengan mata seorang wanita muda yang dead mata kari bersabung lipun tersenyum manis kepadaku. Sejak tadi sudah kulihat juga ada bayangan perempuan muda itu dekat sana tetapi kerana seholdu memasing dan menarik kemenanganku tak kupedulikan kehadiran perempuan itu disana. Kedua kalinya aku menatap matanya dan kali inipun ia tersenyum padaku dan terasa ada sesuatu yang mendenyut dihilu hatiku.

Adakah hubungannya perempuan itu dengan kemenanganku? Dia bertua dengan seorang gadis lain yang achuh tak achuh saja. Temanysa itu sudah sering menarik-narikkan tangannya tetapi ia tak hendak pergi dari sana.

Akhirnya perempuan itu pergi juga. Anahnya kini mulai aku kalah, mulanya kecil dan makin lama makin besar. Dua lembar cek dari kantong saluarku mulai terpaksa kuambil. Aku mulai berpikir, juga tentang perempuan muda itu!

Soportu sekor ponyu kutarik kepalaku dan menghilang dari tempat itu, tetapi si China menghardikku - Haiiiiyaaa, jangan piqi dulu sobat, pasang dulu, laa..!

Aku tak peduli, aku tak ada konterak dengan China itu. Aku pergi kelokot kasir dan kutukar cek tadi dengan wang kontan. Jumlahnya diluar dugasaku tiga puluh enam ribu rupiah banyaknya. Padahal pokokku tadi hanya seratus rupiah saja.

Dengan berlonggang kangkung kutinggalkan tempat itu. Aku mahu pulang,- aku mahu menjumpai Desmaniar isteriku dan melonchatkan wang kemenangan ini kemukanya dan minta balacannya waktu itu juga. Tetapi petugas stand judi itu menghampiriku dan aku mengerti segera kuberi dia selambar wang kertas.

Aku mahu chopat2 pulang. Tetapi dimuka tempat judi dipintu mahu keluar kulihat perempuan tadi berdiri dan melontarkan sebuah sayuman pula kepadaku. Aku tertegun, hilu hatiku terasa nyeri, ada jarum menchochok disana.

- Banyak menangnya, bang? dia bertanya.
- Setelah onche' pergi aku kalah terus menerun, sebutku,- entah bagaimana terhambur saja kata-kata itu dari mulutku. Dia tersenyum manis lagi.
- Saya rasa onche'lah yang bertangan dingin, tukaku lagi.
- Haaaaa, katanya,- choba pasang disini,- jika abang menang juga itu menang saya bertangan dingin.....- sambil ia menunjok kebendar judi yang dimuka krad itu. Aku segera lupa akan tujuanku samula, pulang untuk menemui isteriku korumah.

Kami mendesak kemuka, badan perempuan yang lembut itu menggeser ketubuhku, selambar wang kujadikan pula beberapa lembar cek yang kecil sahaja. Dan kupasangkan dineje judi. Hijau, kuning, merah, sudah berpendar-pondar pula diantuka mataku, dan ajaib cek itu sudah menjadi berlipat-liput pula ditanganaku. Bobotnya kali kari bersentuhan, dan perempuan itu malahan tambah mendakup ketubuhku. Keduanya menang! Menang hari mujur bagiku semalam ini! Waah, jika begini bisa segala bendar judi Medan ini bangkerut pulang kekampungnya.

Menang hampir demikian halnya jika tidak terjadi sesuatu ditempat itu. Sahu2 manusia yang berselingkik ditempat itu bertemperasan buyaaar, dan waktu tempat itu terbuka kelihatanlah dua manusia sedang bahartinju dengan sengitnya. Seakan-akan disana sedang diadakan location pilon yang mirip2 pilon The Big Village.

Sebahagian menohoba menghindari tempat sial itu, dan sebahagiannya menonton pertunjukan yang baru muncul itu. Tetapi tak sempat berjalan lama, kerana petugas sudah datang memisahkan kedua jagoan itu dan membawa mereka polisi kebalai polis.

Aku menarik tangan wanita yang ber"darah dingin" itu dan kami bertiga lalu lewat kasir. Disana kutukar dulu cek2 yang ada padaku dan cekilas terayata bahwa aku sudah menang pula. Mungkin benar juga bahwa perempuan itu bertangan dingin. Aku teringat akan cerita Ken Angrok dari sejarah Singasari dimana Ken Arok diambil menjadi anak prugut oleh seorang pejudi kerana tangannya dingin. Asal saja Ken Arok berdiri dioket pejudi itu maka si pejudi akan menang terus menerus. Tetapi ini bukannya Ken Arok. Ini seorang wanita muda yang ohomel, lembut tangannya hangat pegangannya dan menngiurkan segala perbuatannya. Alupun lupa untuk pulang.

Ditempat yang agak layang barulah kami berhenti dan bercakap-cakap. Barulah dapat diperhatikan wanita itu dan keceantikannya jauh meloheli dari apa yang kuduga semula. Senyumnya meruntuhkan seorang laki2 dalam adoknya yang sama-sama dengan dia itu agak kurang chantaknya serta tak memperhatikan kami.

- Dengan siapa enche' ke Pasar Malam? aku bertanya.

- Tadinya kami pergi bersama-sama, tetapi kami sudah terpisah kerana orang ramai sehingga kami tinggal berdua saja dengan adok saya ini, jawabnya.

o Jadi enche' dari kampung?

- Yea, dan disini kami bermalam di rumah seorang keluarga. Tetapi ada juga yang kembali malam ini dengan bas kelampungan.

Kemudian saya ajak perempuan itu minum kacang-mestoran besar yang ada dipojok pasar malam itu. Mulanya dia malu dan cegun tapi kemudian dikertinya juga. Kami duduk disudut ditempat yang aman sehingga tak terganggu oleh orang2 lain dan juga tidak mengganggu orang lain. Tempat itupun kelindungan. Aku minum beer dia hanya minum Coca Cola sahaja. Kupesan pula sate Padang setumpuk besar seakan-akan kami akan mengadakan pesta besar semalam itu.

Sedang ashek2nya mengunyah2 daging sapi aku melihat sebuah wajah yang kukenal melintas di muka restoran itu, tetapi rasanya tak mungkin sebab ia bergandengan dengan seorang laki-laki sedang lelaki itu tidak kukenal. Aku mahu berdiri untuk melihat perempuan dan lelaki itu lebih jelas tetapi orang demikian ramai sedang mereka sudah hilang dalam kelumutan orang banyak yang berdesah-desak itu. Aku tersentak, mungkinkah itu dia? Dengan siapa dia menonton? Ach, tak mungkin dia isteriku. Sebab tadi dia kitinggalkan di rumah masakan dia akan berani pergi ke Pasar Malam tanpa setahu dan ia kuketahui tak punya wang. Tapi lelaki itu? Itu siapa? Siapa? Jika aku tidak berteman tentu kukujar mereka untuk membuktikan apakah benar itu isteriku dan untuk melihat wajah lelaki itu lebih jelas. Jadi bukan untuk membunuh mereka itu.

Aku terpaksa menahan hati dan bersabar dan bersikap tidak ada apa-apa yang terjadi. Kemudian kupanggil pelayan restoran kutanyakan berapa utang kami dan segera kubayar. Kami lalu keluar. Di jalan dimana pasar malam itu manusia berjajal-jajal bukan ramainya sebab pasar malam akan ditutup. Tiba-tiba kulihat kedua mereka tadi. Ah, tak salah lagi ia itu Desmanjar isteriku tetapi lelaki itu tak kukenal. Darahku mendidih. Aku lupa bahwa aku juga sedang menggandeng seorang perempuan yang juga tak dikenalnya. Jika ia menggandeng seorang lelaki aku malahan dua orang perempuan. Aku sebenarnya mahu anak sendiri saja.

- Pulang kita lagi? tanya pada teman wanitaku, - seakan-akan tadi kami sudah masuk pasar malam sejak semula.

- Tapi teman-teman tadi seorangpun tak ada yang kelihatan lagi, ia bagai

kehilangan akal.

- Tetapi,....tetapi biar saya antarakan, tukasku pula,- walau sebenarnya saya sendiri tak tahu kemana kedua wanita akan diantarakan. Tetapi disaat itu-lah satu wenchana mendadak melintasi kepala saya. Kesempatan sebaik ini tak boleh dilewatkan begitu saja.

- Bagaimana..... kalau,....., kataku lambat2, ragu2 dan darah berdebar sebab jika rencanaku itu dipatahkannya.

- Bagaimana apa? tanyanya menantang dan penuh arti. Aku betul2 lupa akan isteriku dan tak ingat lagi untuk pulang. Dan wanita ini benar2 memaklumi apa yang termateri dalam jantungku.

Kubisikkan usulku kepadanya yaitu untuk bermalam saja disebuah hotel dikota itu.

- Terserah kepada abang, sahutnya berbisek pula. Dan dadaku gedebak gedebur bagai ombak dilautan Ketahun. Oh, kesenangan yang bertubi-tubi semalam ini. Sudahlah bandar jateh bangkerut, seorang wanita chantok menyerah pula keharibaanku dan dua pula walaupun hanya "saeekor" saja mangsa ini yang akan dilahap. Orang lapar disorongkan nasi, orang terkantuk disorongkan bantal.

Aku memanggil sebuah teksi dan menyuruh bawa kasabush hotel yang besar dikota ini dimana pelayannya tidak akan banyak tanya apakah perempuan yang kubawa itu isteriku atautah tidak, dan adakah bawa surat kawin atau tidak. Tetapi kesenanganku jadi terganggu pula kerana seketika teksiku melintasi sebuah motorcar yang sedang berhenti dipinggir jalan dan dalamnya duduk seorang wanita yang sangat dikenali: isteriku Desmaniar. Hampir2 saja kusuruh berhenti teksi itu tetapi ngingat aku ada membawa dua orang tamu maksud itu tak jadi. Kami terus kehotel.

Dengan mudah saja aku mendapat dua buah kamar yang saling berdekatan. Jadi untuk perempuan itu berdua satu kamar dan untuk aku sebuah kamar pula. Taktikku memang lihay juga sedikit. Aku tidak mahu memperlihatkan keserakahanku chepat2. Tak usah buru2 sebab perahu itu akan berlayar juga ketengah laut. Temannya itu tak mengganggu, iya sebagai tak peduli saja apa yang kami lakukan, malahan jika aku seorang lelaki rakus agaknya keduanya bisa kumakan semalam itu.

Sebentar kemudian perempuan itu sudah datang kekamarku. Nardiyati, begitulah nama perempuan muda itu umumnya belum lebeh dari 23 tahun, badannya montok gempal, kulitnya kuning langsat, senyumnya menawan, pendeknya dia lebeh ojangtek dari isteriku. Tetapi dia rupanya ada suami seorang toke yang ketika itu sedang bepergian ke Jakarta. Sudah lebeh sabulan suaminya itu disana, disebutkannya juga namanya dan kampungnya sakalian.

Kami berbichara makin lama makin intim, bahkan merapat satu dengan yang lain. Dan sejam kemudian kami sudah membuka pakaian kami untuk tidur, bukan buka sebarang buka tetapi buka habis tak tinggal agak saholai bensang dan kamipun naik keranjang. Apa yang terjadi agaknya tak usah saya tjeritakan kepada anda sakalian bukan? Tenaga gajabku benar2 muncul semalam itu, kerana adoknya yang tidur disebelah kusantap juga semalam itu.

Dan tidak heran jika aku amat letih kerana bergadeng semalam itu sehingga ketika matahari sudah sepenggalah dikaki langit baru aku terbangun. Seketajap aku ngingat-ingat aku berada dimana waktu itu dan apa yang sudah kulakukan semalam. Barulah aku ingat semuanya. Dan manakah wanita yang sama-sama tidur dengan aku semalam itu?

Aku duduk berjuntai ditepi ranjang memikirkan semuanya dan berpikir wanita to-
nanku tentu masih ada dikamar sebelah. Aku menjadi tenang dan kukatakan pada-
ku manjamba sebatang rokok dan mengisapnya dengan senang sebagai tak ada apa-apa
terjadi. Aku tersenyum mengingat akan pengalamanku semalam tadi. Bandar judi
yang melongo, perempuan yang bertangan dingin dan sudah menyerahkan segalanya
kepadaku..... Jika nanti malam demikian juga maka segala bandar judi dalam
Pasar Malam itu akan kusuruh berlurut dimuka empuk kakiku.

Tetapi sekonyong-konyong aku bagai terkejut dari sebuah mimpi yang dahsyat.
Aku berdiri dan memeriksa pakaianku, kantongku. Manakah wang kemenanganku sem-
alam. Uang yang puluhan ribu rupiah banyaknya? Manakah? Dimana? Kuperiksa semua
kantong aku tempat2 yang mungkin aku lupa melotakkannya. Tetapi bekamnyapun
tak bertemu walau agak selembat untuk kedar minum kopi pagi itu. Segera aku
menburu kesebelah tetapi kamar disebelah sudah berhambali. Ketua wanita itu su-
dah maheret bagai ditelan bumi. Aku lari ke kantor hotel. Bertanyakan kedua perem-
puan itu kepada petugas hotel. Dia menerangkan bahwa kedua perempuan itu sejak
pagi2 buta sudah pergi.

- Tetapi tuan punya isteri ada beryesam bahwa dia akan kembali, kata pe-
jaga itu dengan senyum2 herarti. Aku kembali ke kamarku, menopang daguku kerana
kepalku terasa lima puluh kati beratnya. Kemana dia akan kubari? Mustahil me-
nanti seekor burung yang sudah terbang dari sangkarnya.

Sungguh sangat mahalnya segala keselamatan, semalam harus kurtetuci. Sekalipun
modalnya hanya seratus rupiah, tetapi..... Untuk sewa hotel terpaksa jalan
pula jam tanganku satu-satunya harta yang masih ada dibadanku..... Oh, alang-
kah malangnya nasibku!

Problim kedua kini membunchah otakku. Bagaimana akibatnya aku nanti berjumpa
dengan isteriku? Aku merasa akan pergi kemuka halim yang akan menjatuhkan hukus-
man mati kepadaku. Tetapi mahu tak mahu aku mesti pulang walaupun yang bakal ku-
terima ialah hukuman gantung.....!

Rumah ini amat asing rasanya sebagai bukan rumahku sendiri. Seribu penyosal-
an menongrongku lagi. Choba aku tak bertemu dengan perempuan itu, atau choba aku
terus saja pulang.... Masih terasa-rasa jua olehku kantongku yang membunting de-
ngan tumpukan wang semalam, atah beraya puluh ribu banyaknya. Jika tak hilang
aku sudah bisa memulai usahaku kembali, wang itu cukup banyak.

Ataukah mesti aku mengadu kepada polis? Agaknya sama saja dengan menjeret
lehor sendiri. Rentetan2 baru yang tidak enak tentu akan datang dibelakang.
Jobenarnya kini nasibku sama saja dengan pendatang yang datang dari "ekam Baru itu
dan aku sudah boleh merasangkam judul: O.M.B. dibelakang namamu yaitu Orang Hla-
kin Baru.

Sama sudah jadi penyosalan yang tak ada gunanya lagi, semuanya sudah ter-
lambat. Kesialan itu terjadi ialah pada mule aku melotakkan ehok pertama dimuka
bandar judi yaitu: dua puluh empat hari yang lalu

Dengan kalang kabut peragaan yang demikianlah aku melangkah masuk rumahku.
Kudapati isteriku Desmaniar sedang duduk ditikar menghadapi eshelai kain bakal
baju yang mahal juga harganya. Ia tak melongos waktu aku masuk kerumah. Serta
melihat itu darah chemburu naik kekepalku.

- Kemana kau semalam? tanyaku, lupa bahwa aku sudah melakukan dosa yang
lebih berat lagi.

- Abang kemana pula semalam? jawabnya.

Mulai timbul ch'arigaku bahawa yang tampak semalam itu iyalah isteriku dengan seorang laki-laki. Alih-alihnya isteriku akan menyambutku dengan masam dan satu pertengkaran malahan ia membawaku masuk kedalam.

- Agaknya abang belum makan lagi, mari dulu makan, katanya nanti sesudah makan apa yang terasa boleh dibacha. Aku terdiri sebagai araha dalam gedung masiam. Aku ditariknya kemeja makan dan didudukannya dikursi. Tudung saji dibukanya rupanya sudah siap menantiku. Diluar dari dugaanku dimeja makan itu terhidang maknasa aneka jenisnya dan semuanya kelihatan lezat2 belaka. Inipun menandatangani kehairanan kepadaku kerana sudah selama beberapa hari aku tek pernah memberikan wang belanja kepada isteriku dan kalau ada apa yang dibuatnya tidaklah lima puluh peratus dari apa yang sanggup kuberikan. Paling-paling hanya nasi merah dengan goreng ikan kering tambah sambal lada dan rebus puchuk ubi kayu. Isteriku agaknya melihat ada tanda tanya terbentang sebesar kerbau dimukaku dan ia berkata:

- Jangan tanya? dahulu, makan saja nanti sesudah makan apa yang terasa boleh tanya dan boleh sebut. Geletar suaranya sebagai seorang hakim yang akan menjatuhkan hukuman terhadap seseorang yang sudah bersalah besar. Perutku memang lapar, tetapi nasi putih dengan lauk pauknya yang sorba nikmat itu bagi tersengat dikerongkonganku. Ada sesuatu yang mengganjal dalamnya.

Akhirnya sentap pagi yang aneh itu selesai juga dan kini kami duduk berhadapan dibilik tidur bukan sebagai dua orang suami isteri tetapi sebagai dua manusia yang siap untuk bahantasan atau berilaga.

- Kini sebutlah! katanya garang.- Apa yang jadi perasam uda?

- Aku masih diam, mulutku terkutup membisu.

- Apa? Sebutlah! katanya.

- Deri mana kau dapat wang untuk belanja ini, juga untuk beli baju baru ini? aku mulai berani membuka bechotku (mulutku).

- Ya, abang pasti heran, sebab abang sudah beberapa hari tak memberikan wang belanja lagi sedangkan belanja rumah tangga sebagaimana biasa juga, malahan lebih haibat dari yang biasa. Juga saya sanggup membeli kain baju, bahkan lebih lagi, lihatlah!- Ia berdirimenbuka sebuah kotak kecil membukanya dan memperlihatkan isinya. Dalamnya kelihatan benda2 perhiasan dari mas belaka, mas 24 karat.

Kochurigaanku memang beralasan. Sejenak aku berpikir dan menimbang-nimbang juga mengadakan intropeksi atas diriku sendiri. Aku sedar bahawa pada mulu pertama aku melemparkan bulu ayam atau melemparkan bola kekotak yang berwarna merah, kuning dan hijau itu aku sudah mulai merobohkan sendi2 kebahagiaan rumah tanggaku. Dan kalau isteriku menjeleweng sedangkan aku sudah menyeleweng pula kepada siapa harus disalahkan? Kepadanya, kepada lelaki yang membawanya atau kepadaku sendiri?

- Hanya sedikit saja, Des, kataku. - Hanya sepatah kata saja,.... dan bila kau berterus terang dalam hal ini maka aku akan berterus terang pula dan nanti akan dapat kita pecahkan masalahnya.

- Apa yang abang kehendaki?

- Kaukah yang saya lihat tadi malam di Pasar Malam?

- Kalau saya menjawab "ya" bagaimana? Saya akan abang bunuh?

- Tentu tidak! aku sudah berada dibawah pengaruh isteriku.

- Nah, sayapun tentu dapat pula bertanya siapa pula perempuan yang abang bawa minum bersama-sama semalam? Malahan mungkin kehotel.

Malahen mungkin dia sudah abang bawa gula bermalan dihotel. Apakah saya tak cukup memberi kopongan kepada abang solana ini? Abang lupa, bahawa jika seorang suami ami sudah menyelaweng apakah seorang isteri tak boleh pula menyelaweng? Jika abang menyelaweng hanya akan menghabiskan uang abang untuk orang lain, maka saya menyelaweng akan mendatangkan hasil yang cukup lumayan sebagai sudah abang lihat tadi. Abang bisa mencari seorang isteri baru walaupun untuk senalan dan saya juga bisa mencari laki baru walaupun hanya untuk semalam pula.....

Aku merasa ada sesuatu menohokok hulu: hatiku.

- Kalau laki-laki sudah mulai seorang isteri tentu akan mulai pula dengan rencana dan caranya pula. Tak peduli apa miliknya namun ryewa akan malcyang. Heem, sebungunya lagi, - sekarang bagaimana...? Dia menantang, dia isteriku, tapi menggiurkan, ibarat seorang Cleopatra yang gagah perkasa. Aku membayangkan Hardisti dalam pelukanku dan Desmaniar dalam pelukan seorang lelaki yang tak konvensional. Aku merasa kini rumah tanggaku berada diatas sebuah chandramuka dimana dibawahnya menyala-nyala api yang berkobar-kobar sampai kelangit.

- Kini bagaimana lagi, abang?

- Terserah padamu, Des. - Aku lumpuh kini, baru aku kenal utak yang sebenarnya dari isteriku yang memperlihatkan taring dan kulanya disebabkan kerana aku juga.

- Abanglah menentukannya, abang yang mulai dan abang juga menyudahinya. Jika abang mencari seorang wanita senalan, maka aku akan mencari lima laki-laki dalam semalam. Jika abang menghabiskan kerana wanita itu maka saya akan mendatangkan wang yang bukan sedikit. Saya tahu akan keahantakan saya dan saya tahu beberapa laki-laki masih bisa saya sukah menchiun capu kakiku.....

Saya termenung sejurus dan akhirnya berkata:

- Tak bisakah kita baiki rumah tangga kita ini, Des?

- Itu semuanya bergantung pada abang....

Aku termenung, setetes ayer mata menitik dipipiku. Dan tiba2 larasa sebuah rangkulan yang hangat dan lembut dileherku dan embusan nafas yang wangi dipipiku.

- Jika abang sudah merencanankan akan surut dari perbuatan abang, maka saya-pun akan tobat dari pekerjaan saya sebab semuanya itu saya lakukan hanyalah untuk pelajaran bagi abang. Jika abang sudah merencanankan satu hidup baru saya masih ada punya persediaan yang boleh abang pergunakan untuk modal, tapi bukan yang seperti ini. Itu adalah persediaan saya yang lama yang sewaktu-waktu dapat kita pergunakan. Abang berjanji....?

- Saya bersumpah, Des....

Des memperkuat rangkulannya dan aku membalas menangkul dan sangat kedua tubuh kami menjadi satu. Aku tahu kini bahwa judi itu kalah atau menang hasilnya sama saja, akibatnya iyalah kes Kehormatan.....

Tetapi memang ada sesuatu yang kusembunyikan kepada isteriku, dan rahasia ini hanya anda pembacalah yang tahu.....

PAYAKUMBUH, 19hb. Mei 1970

diperbaharui:

KUALA LUMPUR, 15hb. November 1970.